

TEKS UCAPAN PERASMIAN  
YBHG PROF DATO' DR MOHAMAD KADIM BIN  
SUAIDI,  
NAIB CANSOLOR, UNIVERSITI MALAYSIA  
SARAWAK

MAJLIS PERASMIAN  
PROGRAM CINTA ILMU SEMPENA HARI BUKU &  
HAKCIPTA SEDUNIA

AUDITORIUM  
PUSAT KHIDMAT MAKLUMAT AKADEMIK,  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

28 APRIL 2016,

Bismillahirmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala  
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.  
Salam 1 Malaysia dan Salam Unimasku sayang

**YBhg Prof Mohd Fadzil Abd Rahman**

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

**YBhg Prof Dr Kopli Bin Bujang**

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

**YBhg. Prof Dr Wan Hashim Bin Wan Ibrahim**

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

**YBhg. Prof Madya Dr. Mohammad Ibrahim  
Safawi bin Mohammad Zain**

Penolong Naib Canselor (Keterlibatan Industri dan  
Komuniti)

**Yang Berusaha Puan Margaret Simeng,  
Ketua Pustakawan, UNIMAS**

**YANG DIHORMATI,**

Dekan-Dekan,

Pengarah – Pengarah

Timbalan-timbalan Dekan

Pegawai-pegawai Akademik dan Pegawai Pengurusan  
UNIMAS

Ketua - ketua Perpustakaan

Pengetua/Guru Besar Sekolah Negeri Sarawak

Rakan-Rakan Media, Wakil Pembekal Dan Penerbit

Siswa Siswi UNIMAS

Serta semua jemputan yang dihormati sekalian.

1. Pertamanya, saya ingin melafazkan setinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurnia-nya, maka dapat kita bersama-sama berkumpul dalam Program Cinta Ilmu anjuran PKMA dengan kerjasama UNIMAS Publisher pada pagi 28 April 2016 yang berbahagia ini .
2. Syabas diucapkan kepada PKMA kerana tidak ketinggalan untuk turut sama menjayakan sambutan Program Hari Buku & Hakcipta Sedunia ini dengan pengisian pelbagai kempen dan aktiviti antaranya ialah Jom Membaca Bersama Selama 10 Minit (*Let's Read Together*), Kempen Derma Buku, Pameran, Jualan Buku dan sebagainya.

Program ini diadakan adalah untuk meningkatkan minat membaca dengan mengadakan pelbagai aktiviti yang melibatkan promosi Galakan Membaca, Kegiatan Penerbitan dan Perbukuan serta Perlindungan Harta Intelekt melalui Hak Cipta. Di samping itu, ianya dapat memberi pendedahan kepada masyarakat sekitar mengenai wujudnya Hari Buku Dan Hak Cipta yang diiktiraf oleh badan antarabangsa.

3. Sebelum saya berkata lebih lanjut mengenai program Cinta Ilmu ini, marilah kita mengimbau bagaimana Hari Buku Dan Hakcipta Sedunia ini wujud. Untuk makluman semua, Pertubuhan Pendidikan Sains Dan Kebudayaan (UNESCO),

dalam konferensinya di Paris pada 15 November 1995 telah memutuskan 23 April sebagai Hari Buku Sedunia dan juga Hari Hak Cipta Sedunia. Kedua-duanya diputuskan sebagai memperingati sumbangan luar biasa buku/pengarang. Setiap tahun juga UNESCO akan memilih sebuah bandaraya untuk diisytiharkan sebagai *World Book Capital*. Pada tahun 2015 yang lepas Bandaraya Incheon Korea Selatan telah terpilih. Bagi tahun 2016 ini *World Book Capital* adalah Bandaraya Wroclaw Poland, manakala untuk tahun 2017 Conakry, ibu negara Republik Of Guinea telah terpilih.

4. Menurut kajian terkini mengenai **World's Most Literate Nations** yang telah dijalankan oleh John

W. Miller dan Michael C. McKenna dari Central Connecticut State University, Amerika Serikat ke atas lebih 60 negara di dunia, rankings 10 negara teratas adalah:

1. Finland
2. Norway
3. Iceland
4. Denmark
5. Sweden
6. Switzerland
7. United states
8. Germany
9. Latvia
10. Netherlands

(Malaysia pula adalah ditangga yang ke 53 berbanding Singapura di kedudukan yang 36, Thailand dikedudukan ke 59 dan Indonesia ditangga ke 60. )

Untuk makluman hadirin sekalian *ranking* adalah berdasarkan kriteria berikut:

Iaitu berdasarkan 15 pemboleh ubah yang dikelompok ke dalam 5 kategori iaitu:

1. *Perpustakaan,*
2. *Akhbar,*
3. *Inputs sistem pendidikan,*
4. *Outputs sistem pendidikan*
5. *Kemudahan komputer,*



*Keseluruhan pemboleh ubah yang terdapat di dalam lima kategori diatas dikira berdasarkan per kapita.*

Hadirin Sekalian

5. Bila bercakap tentang literasi, kita akan ingat kepada buku. Sesungguhnya Buku dilambangkan sebagai'teman yang paling istimewa. Ia ibarat kekasih yang paling mengerti dan memberikan harapan. Buku memberi manfaat jika kita mahu mengambil pengajaran daripadanya. Kita merasakan bahawa buku sebagai bernyawa apabila kita berada dalam keadaan kritikal; saat menjelang peperiksaan, memerlukan maklumat tertentu dengan kadar segera, membantu kemajuan kerjaya dan segala macam keperluan

lagi. Begitulah layanan kita terhadap buku. Sesuatu yang pasti, buku tetap memberi pengaruh besar kepada kehidupan kita. Cendekiawan Arab dahulu kala pernah mengatakan bahawa buku merupakan teman setia yang terbaik. Ia tidak pernah mengecewakan kita. Walau bagaimanapun layanan kita terhadapnya, ia (buku) tetap di situ dan bersedia untuk berkhidmat kepada kita.

6. Justeru itu “Bacalah Buku... Tuntulah ilmu ...” merupakan ungkapan yang cukup sinonim dengan program galakan membaca di Malaysia yang telah bermula sejak tahun 1972 lagi dan dikenali sebagai Gerakan Membaca. Ia merupakan salah satu projek di bawah Dewan Bahasa Dan Pustaka (DBP). Pelancaran projek Gerakan Membaca di

seluruh negara kemudiannya telah dirasmikan oleh Menteri Pelajaran, YB Datuk Musa Hitam pada 28 Januari 1980 di Balai Tun Syed Nasir, DBP, Kuala Lumpur.

Hadirin Sekalian

7. UNIMAS tidak pernah berhenti untuk menggalakkan warganya membaca bak kata ***Margaret Fuller*** iaitu seorang Journalis dan Activis Hak Kaum Wanita..... ***Today A Reader, Tomorrow A Leader.***

Menurut laman web **World's Most Literate Nations** - *"The power and value of being literate in a literate society is played out every day around the world. Many individuals and even whole societies, make considerable sacrifices to become literate just*

*as others take it for granted. Societies that do not practice literate behavior are often squalid, undernourished in mind and body, repressive of human rights and dignity, brutal and harsh".*

Sebagai sokongan dalam Gerakan Membaca, PKMA telah meletakkan Pembudayaan Membaca sebagai satu mekanisme utama untuk meningkatkan ilmu di UNIMAS. Kegigihan PKMA dalam menyokong program Gerakan Membaca bukan sekadar di dalam UNIMAS sahaja, PKMA telah jauh mengorak langkah untuk membantu UNIMAS membina masyarakat berilmu semenjak 2013 lagi melalui aktiviti Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) nya terhadap Pusat Sumber sekolah-sekolah di sekitar UNIMAS seperti SMK Tae, SK Kg

Rembus, SMK Tebakang, Mini Library Panchor Spring Padawan, Sarawak Children Cancer Society dan PiBakat.

8. Dari segi sokongan terhadap penerbitan dan Hak Cipta, PKMA juga telah mengambil langkah proaktif dengan menawarkan kelas literasi maklumat kepada pengguna melalui modul "*Citing References & Plagiarism*". Bertujuan untuk mewujudkan kesedaran awal kepada warga kampus khususnya kepada para pelajar dan pensyarah mengenai seriusnya kesalahan dibawah Akta Hakcipta ini.

Pada 21 April 2016 Khamis lepas, PKMA juga telah menjemput pihak Elsevier daripada Singapura untuk mengendalikan satu bengkel

setengah hari yang bertajuk *Editor's workshop: How to get your Journal indexed in Scopus* kepada para pelajar dan pensyarah.

UNIMAS juga memandang serius terhadap Akta Hak Cipta. Pelindungan hakcipta di UNIMAS telah dilaksanakan yang mana menurut rekod pada tahun 2015, 20 hakcipta telah berjaya didaftarkan dan 13 lagi sedang menunggu nombor pendaftaran.

9. Sebagai sokongan terhadap Hari Buku dan Hari Hak Cipta Sedunia, Program Cinta Ilmu pada hari ini akan mempersembahkan kepada kita satu lagi episod pelancaran buku baharu UNIMAS dan Bedah Buku. UNIMAS Publisher akan melancarkan 5 buah lagi buku baharu.

Untuk makluman hadirin semua, UNIMAS Publisher merupakan penjenamaan semula bagi Bahagian Penerbitan mulai tahun 2015. Ini adalah sebagai mendukung nilai tinggi Universiti dan memberi lonjakan visibiliti kepada PTJ yang dijangka akan memberi impak yang besar kepada jenama UNIMAS. Kita yakin penjenamaan ini akan menaikkan lagi semangat warga UNIMAS amnya dan UNIMAS Publisher khasnya untuk menerbitkan lebih banyak bahan penerbitan.

Hadirin Yang Dihormati,

10. Sekali lagi saya ucapkan Syabas dan tahniah kepada:

- PKMA,
- UNIMAS publisher,
- Fakulti Pengajian Bahasa Dan Pengajian Komunikasi,

kerana menganjurkan program sebegini.

**Terima kasih juga kepada**

- Pihak Media,
- Pengarang Buku Unimas
- Pustaka Negeri Sarawak
- Politeknik Kuching
- UiTM Kota Samarahan
- IPG Kampus Abdul Razak



- IPG Kampus Batu Lintang
- *Swinburne University Of Technology*
- Perpustakaan Bandaraya DBKU
- Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Sarawak
- Kolej Segi Sarawak
- SMK Tae
- SK Kampung Rembus
- SK Koran Serian
- Pusat Kegiatan Guru (PKG) Serian
- Serta semua JK Pelaksana.

Semoga program seperti ini dapat diteruskan di masa hadapan dan dijadikan program tahunan Pusat. Penganjuran yang berterusan seperti ini diharap dapat memenuhi usaha kerajaan untuk mewujudkan masyarakat Malaysia yang maju dan kaya maklumat.

Sekali lagi saya ingin menyeru kepada seluruh hadirin supaya sentiasa menanam minat suka membaca kerana amalan membaca ini merupakan salah satu proses pembelajaran yang harus berterusan sepanjang hayat seterusnya membentuk masyarakat yang berilmu dan seimbang.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya merasmikan Program Cinta Ilmu peringkat UNIMAS sempena Hari Buku & Hakcipta Sedunia 2016.

Sekian Terima kasih.

UNIMAS

28 APRIL 2016.